

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR  
[ SETIU ]**

**TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [ SETIU ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh mana kerjasama yang dilaksanakan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam isu harga runcit kit ujian sendiri COVID-19 agar tidak membebankan rakyat terutama golongan B40.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian telah menetapkan harga maksimum kit ujian pantas antigen covid-19 (ujian sendiri) bagi borong RM16.00 seunit dan runcit RM19.90 seunit. Penetapan harga maksimum telah diwartakan dan berkuatkuasa pada 5 September 2021 melalui P.U (A) 348 Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No.7) 2021.

Dalam membuat penetapan harga kit ujian sendiri Covid-19 (ujian sendiri), Kementerian telah mengadakan sesi libat urus dengan pemegang-pemegang taruh dalam industri kit ujian sendiri Covid-19 (ujian sendiri) termasuk fasiliti farmasi dan klinik. Penelitian dari segi kos pengeluaran dan kos pengimportan telah dibuat dan di analisa. Maka penetapan harga maksimum ini adalah pada kadar wajar yang tidak merugikan peniaga dan mampu beli rakyat.

Sepanjang tempoh pemeriksaan serta pemantauan ke atas penjualan kit ujian pantas antigen COVID-19 (ujian sendiri) bermula 5 sehingga 16 September 2021, sebanyak 1,734 premis telah diperiksa membabitkan 91 premis borong dan 1,643 premis runcit dan daripada pemeriksaan tersebut sebanyak 10 amaran dikeluarkan kerana menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.